

PERANAN ZAKAT DALAM MENINGKATKAN EKUITI DALAM PENDIDIKAN ANAK-ANAK MISKIN BANDAR DI MALAYSIA

Norfariza Mohd Radzi (PhD)
Nur Aliza Ahmad

Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya
norfariza@um.edu.my

ABSTRACT

This study aims to examine the role of zakat in improving equity in education of urban poor children in Malaysia. It is an effort by the zakat institution to realize the aim of the education policy to provide equal education opportunities for all children. Urban poverty is the main problem that prevents children from receiving a proper education for their future. Hence, this study was undertaken to determine the type of assistance given for the education of Muslim urban poor children and suggestions for the improvement of existing financial aids by zakat. This research was carried out through qualitative study by having interviews with 14 participants from the Lembaga Zakat Selangor (LZS) and the Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) together with analysis of relevant documents. Four participants represent the zakat officers incharge of the education division whereas ten participants were the urban poor children who received full zakat assistances. Data was analyzed using thematic analysis to obtain specific themes that answer the stated research objectives. From the analysis, the zakat institutions have been successfully distributing zakat in the form of scholarship / fee assistance, provision of books and learning tools, clothes and school uniforms, hostels and moral support and motivation. Research findings also proposed the zakat institutions to improve the distribution of zakat through the provision of information technology facilities, organizing technical or entrepreneurship courses for students and provision of healthy nutritional support. As implication, this study highlights the roles of zakat institution in helping the government to improve equity in education, especially to the urban poor Muslims children in Malaysia.

Keywords: Zakat, equity, education, urban poor

PENGENALAN

Ekuiti dalam pendidikan merupakan antara matlamat penting pendidikan bagi sesebuah kerajaan dalam kebanyakan negara didunia. Ianya merujuk kepada usaha bagi mewujudkan peluang pendidikan yang adil kepada semua tanpa mengira perbezaan sosio-ekonomi, budaya serta faktor latar belakang keluarga dan masyarakat. Secara umumnya, ekuiti memberi akses terhadap pendidikan kepada semua

kanak-kanak didunia bagi membolehkan mereka menerima pendidikan asas yang mampu membentuk mereka sebagai sumber manusia penting kepada pembangunan negara. Justeru, ekuiti dalam pendidikan ini tidak lagi menjadi tanggungjawab penting yang hanya dipikul oleh kerajaan sesebuah negara sahaja tetapi merupakan usaha kolektif oleh semua masyarakat termasuklah badan bukan kerajaan, sektor swasta, institusi agama serta pelbagai lagi unit-unit utama dalam masyarakat (KPM, 2006).

Zakat memainkan peranan yang besar dalam masyarakat Islam meliputi pelbagai aspek seperti ekonomi, pendidikan, undang-undang dan sebagainya. Di dalam ekonomi, zakat memberi kesan yang positif di dalam pertumbuhan ekonomi sebagai salah satu alat fiskal ekonomi yang berkesan untuk menjana pertumbuhan ekonomi dalam masyarakat Islam (Mohamed Yusoff, 2010). Selain itu, ahli ekonomi juga berkeyakinan bahawa zakat merupakan sumber utama untuk mengekalkan kebajikan dalam pertumbuhan dan pembangunan ekonomi sesebuah negara (Iqbal M. Khan, 2014). Zakat merupakan kewajipan yang diagihkan oleh ummat Islam untuk diberikan kepada golongan tertentu yang memerlukan. Al-Quran menyebut lapan golongan yang layak menerima zakat (asnaf) iaitu golongan fakir, miskin, fisabilillah, muallaf, badan pengurusan zakat, hamba, penghutang dan orang yang musafir.

Pendidikan merupakan salah satu pelaburan sosial yang penting kepada sesebuah negara. Ia dapat memberi kelebihan jangka panjang contohnya seperti mengeluarkan pengetahuan, kemahiran tenaga kerja, disiplin, serta motivasi kepada seseorang individu (Mohamed Yusoff, 2014). Hal ini menunjukkan bahawa bantuan dalam pendidikan sangat diperlukan bagi golongan yang tidak berkemampuan. Terdapat beberapa golongan asnaf yang layak mendapat bantuan zakat dalam pendidikan. Antara golongan tersebut adalah golongan fakir dan miskin yang tidak mempunyai keupayaan untuk mendapat pendidikan yang sempurna akibat kekangan kewangan. Golongan lain yang turut mendapat zakat bagi tujuan pendidikan adalah golongan fisabilillah dan muallaf.

PENYATAAN MASALAH

Antara isu utama dalam usaha pencapaian ekuiti ini adalah jurang sosio-ekonomi yang wujud diantara kanak-kanak disebabkan oleh faktor kemiskinan keluarga serta kegagalan ibubapa dalam memberikan peluang pendidikan kepada anak-anak mereka (LZS, 2011). Masalah kemiskinan kini tidak lagi hanya bertumpu dikawasan luar bandar tetapi menjadi semakin meruncing bagi keluarga-keluarga yang menduduki bandar-bandar besar di negara-negara membangun di dunia. Bagi negara Malaysia yang terdiri daripada majoriti penduduk Islam, zakat dilihat sebagai satu alat yang mampu memberi peluang kepada anak-anak bagi meningkatkan akses mereka terhadap pendidikan. Pemberian zakat kepada anak-anak fakir dan miskin khususnya yang beragama Islam ini mampu melengkapkan keperluan mereka bagi menjalani pembelajaran disekolah dan seterusnya memperolehi literasi asas dalam pendidikan.

Selain itu juga, kekurangan kajian yang menghubungkan zakat dan pendidikan menjadikan ianya kurang dilihat sebagai satu wasilah penting dalam meningkatkan ekuiti dalam pendidikan. Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006 telah menekankan keperluan pihak berkepentingan dalam pendidikan untuk turut serta dalam membiayai pendidikan khususnya dalam mewujudkan peluang pendidikan yang adil kepada semua kanak-kanak (KPM, 2006). Pihak berkepentingan ini melibatkan masyarakat misalnya badan korporat, badan bukan kerajaan (NGO), badan-badan kebajikan termasuklah institusi agama yang berada diperingkat negeri masing-masing. Dalam konteks ini, adalah penting bagi institusi zakat untuk menyokong dasar peningkatan ekuiti dalam pendidikan yang diusahakan oleh kerajaan dan sekaligus mengemukakan pelbagai alternatif bantuan kewangan bagi meningkatkan kualiti pendidikan para pelajar.

Kemiskinan di kawasan bandar turut dikaitkan dengan tahap pendidikan yang rendah selain daripada sumber pendapatan yang tidak mencukupi bagi menampung kos sara hidup yang tinggi di bandar (LZS, 2013). Kemiskinan ini akan terus diwarisi kepada generasi seterusnya disebabkan kegagalan ibu bapa bagi menyediakan pendidikan yang sepatutnya bagi anak-anak. Golongan ini juga umumnya bekerja dalam bidang bukan professional dengan pendapatan tetap yang tidak mencukupi setiap bulan. Bagi negeri Selangor, bilangan penduduk miskin bandar juga telah melebihi bilangan penduduk miskin di kawasan luar bandar pada tahun 2011. Jadual 1 menunjukkan bilangan tersebut yang memberi indikator terhadap keperluan semua pihak bagi menghulurkan bantuan khususnya dalam meningkatkan taraf hidup golongan miskin bandar ini.

Jadual 1

Kadar kemiskinan di Selangor pada tahun 2011

| Kategori | Daerah | Jumlah | Jumlah Keseluruhan |
|-----------------------------|----------------|--------|--------------------|
| Bandar (Majlis Perbandaran) | Petaling | 2,556 | 11,121 |
| | Hulu Langat | 3,648 | |
| | Gombak | 1,904 | |
| | Klang | 2,349 | |
| | Sepang | 664 | |
| Luar Bandar (Majlis Daerah) | Hulu Selangor | 2,142 | 9,976 |
| | Kuala Langat | 2,065 | |
| | Kuala Selangor | 2,785 | |
| | Sabak Bernam | 2,984 | |

Adaptasi daripada "Peduli kemiskinan bandar," oleh Lembaga Zakat Selangor, 2011, *Asnaf*.

TUJUAN KAJIAN

Justeru, kajian ini bertujuan mengkaji peranan zakat dalam mambantu mempertingkatkan ekuiti dalam pendidikan anak-anak miskin bandar di Malaysia. Secara khususnya, objektif kajian ini adalah i) mengkaji bentuk bantuan pendidikan yang diberikan zakat kepada anak-anak miskin bandar dan ii) mengenalpasti penambahbaikan bantuan zakat bagi mempertingkatkan ekuiti dalam pendidikan anak-anak miskin bandar di Malaysia. Kajian ini adalah signifikan bagi membantu kerajaan mengenalpasti bentuk bantuan yang dapat diberikan oleh masyarakat khususnya institusi agama dalam merealisasikan dasar ekuiti dalam pendidikan. Ianya juga dapat membantu pihak lembaga zakat bagi memperkemas bentuk sumbangan pendidikan yang dihulurkan kepada anak-anak miskin bandar bagi benar-benar mencapai matlamat pendidikan yang disasarkan.

TINJAUAN LITERATUR

Zakat

Zakat ialah salah satu daripada lima rukun Islam yang merupakan kewajipan dalam agama Islam yang mutlak bagi setiap ummat Islam. Zakat merupakan satu pembahagian semula harta tanpa paksaan dan lebih kepada penerimaan kepada prinsip-prinsip moral. Ia merupakan pembayaran cukai tahunan terhadap harta (Dean & Khan, 1997). Di Malaysia, zakat diuruskan oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). MAIN bertanggungjawab dalam mengutip dan mengagihkan zakat di setiap negeri. Manakala Kerajaan Persekutuan telah menubuhkan Jabatan Zakat, Waqaf dan Haji (JAWHAR) bertujuan untuk mempromosikan hal berkaitan dengan zakat kepada masyarakat umum (Norazlina Abd. Wahab & Abdul Rahim Abdul Rahman, 2011).

Merujuk kepada ulama Islam dalam bidang Fiqh sebulat suara bersetuju bahawa zakat secara prinsipnya bukanlah sebagai cukai semata-mata. Zakat banyak memberi kebaikan kepada ummah sebagai satu sumbangan yang boleh meningkatkan harta. Orang yang memberi zakat ialah orang yang

bersifat mengutamakan orang lain. Ia dilihat sebagai alat sosial yang memberi kesejahteraan buat masyarakat dan bukan semata-mata sebagai amal ataupun derma (Dean & Khan, 1997). Zakat juga memberikan keselamatan sistem sosial kepada orang Islam kerana setiap masyarakat Islam bertanggungjawab untuk menyokong mereka yang kurang bernasib baik dalam masyarakat melalui proses zakat (Norazlina Abd. Wahab & Abdul Rahim Abdul Rahman, 2011).

Institusi zakat merupakan institusi kewangan yang bukan memfokuskan keuntungan di dalam sistem ekonomi Islam berbeza dengan bank dan syarikat insurans. Institusi zakat juga dilihat mampu mengurangkan kadar kemiskinan. Ia memberikan kesan yang positif kerana isu kemiskinan merupakan salah satu masalah dalam masyarakat pada hari ini (Norazlina Abd. Wahab dan Abdul Rahim Abdul Rahman, 2011). Terdapat negara majoriti Muslim yang mempunyai tahap kemiskinan yang rendah berbanding dengan negara-negara lain yang mempunyai pendapatan yang sama. Hal ini kerana negara tersebut mempraktikkan zakat dan sedekah dengan menggalakkan golongan kaya untuk memberi sumbangan daripada harta mereka kepada golongan yang tidak berkemampuan (Nor Idayu Mahat & Ari Warokka, 2013).

Zakat untuk Pendidikan

Bagi sesebuah negara yang membangun, perkara yang paling membimbangkan ialah masalah kemiskinan. Kesan kemiskinan dalam masyarakat ialah kegagalan orang-orang yang kurang berkemampuan untuk menerima pendidikan yang baik dan sempurna. Ia secara tidak langsung akan memberi kesan pada masa depan pendidikan mereka sedangkan ia sangat penting sebagai alat pembangunan sesebuah bangsa. Melalui pendidikan, golongan yang memerlukan boleh menjadi seorang yang lebih berkemahiran dan boleh keluar dari kepompong kemiskinan.

Di Malaysia, terdapat pelbagai usaha yang dilakukan bagi mengurangkan masalah kemiskinan bagi merealisasikan pencapaian matlamat ke arah negara maju. Pihak kerajaan telah menyediakan pelbagai jenis program bagi membantu golongan ini meraih pendidikan yang lebih baik antaranya ialah projek yang menjana pendapatan, membekalkan lebih banyak infrastruktur dan kemudahan, bantuan kebajikan dan juga memupuk nilai-nilai murni dalam kalangan orang miskin. Pihak kerajaan yang terlibat ialah Kementerian Pendidikan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah dan Lembaga Zakat Selangor (LZS). Kebanyakan program yang dijalankan adalah untuk membantu golongan yang memerlukan untuk terus kekal mendapat pendidikan lebih baik daripada pihak kerajaan (Rahimi Md Saad et. al, 2008).

Selain itu, wujud juga sumbangan dari golongan bukan kerajaan atau lebih dikenali sebagai NGO dalam membantu golongan yang memerlukan terutamanya golongan fakir dan miskin. Antaranya ialah Yayasan Basmi Kemiskinan yang memfokuskan kepada pembangunan sosial, pendidikan dan latihan kepada golongan miskin. Di negara lain juga seperti di Somalia ditubuhkan sebuah NGO Islam iaitu *Formal Private Education Network in Somalia* atau FPENS. FPENS merupakan sebuah NGO Islam yang cuba membangunkan sistem pendidikan di Somalia selepas perang saudara pada tahun 1991. FPENS menawarkan perkhidmatan pembangunan ko-kurikulum, percetakan buku, penubuhan peperiksaan dan sistem pensijilan kepada rakyat Somalia (Valeria Sanggiomo, 2011). Manakala di Timur Tengah, Asia Tengah dan Asia Tenggara ditubuhkan sekolah agama yang dikenali sebagai *madrasas*. *Madrasas* adalah sebuah sekolah agama untuk membantu golongan fakir dan miskin dengan menyediakan pendidikan percuma, bilik dan kelengkapan untuk pelajar-pelajar melalui sumbangan persendirian (Blanchard, 2007).

Isu kemiskinan merupakan isu penting dalam masyarakat yang menyebabkan masalah keciciran dalam pelajaran atau pendidikan. Justeru, zakat mampu menangani masalah keciciran pelajaran di kalangan fakir dan miskin. Pendidikan merupakan tiket penting dalam mengubah kehidupan golongan asnaf

terutama di kalangan fakir dan miskin. Pendidikan dan pembelajaran yang berterusan di setiap peringkat bermula daripada sekolah rendah, menengah dan pengajian tinggi dapat membuka peluang pekerjaan yang cerah dan menjamin masa depan yang baik (Azman Ab Rahman & Siti Martiah Anwar, 2014). Di Selangor, Majlis Agama Islam Selangor dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) memainkan peranan dalam pengagihan dan kutipan zakat di negeri tersebut. Negeri Selangor merupakan negeri yang mengagihkan zakat yang paling tinggi kepada lapan golongan asnaf. Kajian menunjukkan bahawa kutipan zakat fitrah dan zakat harta di negeri Selangor adalah tertinggi iaitu sebanyak RM 336,934,522 juta serta pengagihan sebanyak RM 330,364,503 juta (Rashidah Abdul Rahman dan Normah Omar, 2012).

Pelbagai program yang telah dilakukan dan bakal dilakukan oleh LZS bagi memperkasakan pendidikan ummah di negeri Selangor. Bantuan persekolahan anak-anak asnaf fakir dan miskin iaitu seramai 49,158 orang pelajar telah menerima bantuan persekolahan pada sesi 2016 yang terdiri daripada pelajar tadika, pelajar sekolah rendah, pelajar sekolah rendah agama dan pelajar sekolah menengah. Manakala jumlah keseluruhan bagi bantuan yuran dan peralatan sekolah ialah berjumlah RM 25,156,300 juta. Selain itu, LZS juga telah mengadakan program Sekolah Angkat Selangor untuk anak fakir miskin atau dikenali sebagai PROSA. Sehingga kini sebanyak 146 buah sekolah telah menerima bantuan dengan jumlah bantuan sebanyak RM 2.5 juta setahun (LZS, 2015). Golongan muallaf juga diberi penekanan dalam pemberian zakat dari segi pengurusan pendidikan bertepatan dengan syariat Islam yang menyuruh memberi zakat kepada golongan muallaf.

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) juga telah menyediakan 27 skim bantuan zakat yang dikategorikan kepada empat program utama iaitu pembangunan sosial, pembangunan pendidikan, pembangunan ekonomi dan pembangunan institusi agama. Menyedari kepentingan pendidikan dalam melahirkan modal insan yang berkualiti, MAIWP telah memberikan bantuan kepada golongan di peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi. Dua kategori bantuan disediakan kepada golongan pelajar iaitu kategori pertama kepada asnaf fakir dan miskin dan kategori kedua kepada asnaf fisabilillah. Para pelajar yang tersenarai sebagai penerima bantuan di peringkat sekolah dibantu sepenuhnya dengan yuran, pakaian seragam dan peralatan sekolah. Manakala pada peringkat pengajian tinggi bantuan merangkumi kos pengajian dan elaun sara hidup setiap pelajar (Mohd, 2010).

Ekuiti dalam Pendidikan

Ekuiti dalam pendidikan adalah berasaskan Teori Keadilan Rawls yang menghuraikan tentang penyesuaian dua prinsip asas keadilan yang akan menjamin masyarakat yang adil dan diterima dari segi moral. Slogan utama bagi teori ini adalah "*Justice as Fairness*" yang menekankan dua prinsip asas yang dikenali sebagai prinsip liberti (*liberty principle*) dan prinsip perbezaan (*difference principle*). Umumnya, prinsip pertama menjamin hak setiap orang untuk mempunyai kebebasan asas yang luas setanding dengan kebebasan orang lain. Prinsip kedua pula menyatakan bahawa kedudukan sosial dan ekonomi adalah diperlukan bagi menjamin faedah kepada semua orang dan ianya perlu terbuka kepada semua (Rawls, 1999).

UNICEF (2011) telah menghuraikan ekuiti dalam pendidikan sebagai dua dimensi yang saling berkaitan iaitu dimensi keadilan dan dimensi inklusif. Dimensi keadilan menjamin bahawa faktor keadaan sosial dan personal misalnya jantina, status sosio-ekonomi atau etnik bangsa bukan menjadi penghalang bagi kanak-kanak mencapai potensi diri dalam pendidikan. Dimensi inklusif pula memberi jaminan berhubung tahap asas minimum dalam pendidikan yang perlu dimiliki oleh semua. Dengan kata lain, seseorang kanak-kanak itu seharusnya berpeluang memiliki kebolehan membaca, menulis serta melakukan aritmetik yang mudah sebagai kemahiran kehidupan. Kedua-dua dimensi ini perlu dicapai bagi membolehkan realisasi terhadap hak kemanusiaan, pembangunan ekonomi, sosial dan politik yang saksama, perpaduan dan inklusif sosial, memenuhi matlamat antarabangsa yang telah dimandatkan serta meningkatkan keberkesanan serta kos-faedah sesebuah sistem pendidikan.

Terdapat tiga prinsip utama ekuiti yang diberi penekanan dalam menghuraikan kerangka ekuiti yang digunakan dalam analisis yang dijalankan (Berne & Stiefel, 1999). Tiga prinsip tersebut adalah ekuiti mendatar, ekuiti menegak dan peluang pendidikan yang sama. Prinsip ekuiti mendatar menekankan layanan yang sama terhadap mereka yang berada dalam lokasi yang sama. Sistem pendidikan dengan prinsip ini akan menyediakan pelajar yang lebih kurang sama dengan layanan yang serupa serta memperolehi sumber pendidikan yang sama dan hasil akhir yang serupa. Prinsip ekuiti menegak mempercayai bahawa setiap pelajar adalah berbeza dan kehendak yang perlu dipenuhi juga adalah justeru berbeza. Keadilan hanya diperolehi apabila pelajar yang berbeza ini dilayan dengan layanan yang berbeza sesuai keperluan mereka. Prinsip yang terakhir pula adalah prinsip peluang pendidikan yang sama yang berdasarkan kepada kepercayaan bahawa semua kanak-kanak adalah mempunyai peluang kejayaan yang sama. Oleh itu, adalah penting bagi masyarakat menyediakan keperluan yang sepatutnya bagi mereka sama-sama mencapai tahap kejayaan yang diharapkan.

Elemen utama dalam mengukur ekuiti adalah mencangkupi input dalam pendidikan, proses yang dilalui serta hasil akhir pendidikan samada jangka pendek atau jangka panjang (Scheerens, 2004). Input dalam pendidikan adalah merangkumi buku, kurikulum, guru yang berkualiti, kemudahan sekolah yang mencukupi, sokongan komuniti serta beberapa sumber lain dalam menjalani pembelajaran. Proses pula melibatkan persekitaran pembelajaran yang selamat dan menyokong (UNICEF, 2011). Ianya turut melibatkan sikap guru yang positif, kepimpinan yang baik, insentif terhadap kecemerlangan serta kebebasan dan autonomi dalam mendapatkan ilmu pengetahuan. Hasil akhir pendidikan pula seterusnya dinilai melalui kemahiran literasi yang diperolehi, pembangunan peribadi, tingkah laku yang sihat serta kecemerlangan pendidikan yang seterusnya mampu menjadikan seseorang sebagai modal insan yang baik dan berkualiti.

Dalam usaha meningkatkan ekuiti dalam pendidikan, OECD (2008) telah memberi penekanan terhadap beberapa langkah penting yang seharusnya menjadi panduan bagi negara-negara di dunia. Antara langkah yang dicadangkan adalah pengukuhan terhadap hubungan antara sekolah dan keluarga bagi membantu keluarga yang kurang bernasib baik menyediakan akses pendidikan terhadap anak-anak mereka. Selain itu, usaha perlu dilaksanakan kearah memperkasa terutamanya peluang pendidikan pra-sekolah dan sekolah rendah bagi melengkapkan kanak-kanak dengan literasi yang diperlukan. Sumber yang ada perlu diarahkan secara sistematik kepada golongan yang memerlukan disamping mewujudkan sistem yang teratur dalam mengenal pasti para pelajar yang keciciran dengan memberikan lebih banyak alternatif pendidikan. Justeru, dapat disimpulkan bahawa ekuiti dalam pendidikan adalah merupakan usaha bagi menyeimbangkan keperluan pendidikan yang merangkumi proses pendidikan yang sistematik serta mampu memberikan hasil akhir pendidikan yang baik. Ianya dapat dipenuhi dengan usaha kerajaan serta setiap pihak berkepentingan yang prihatin terhadap kualiti pendidikan negara di masa akan datang.

METODOLOGI

Rekabentuk kajian

Bagi mencapai objektif kajian yang telah dinyatakan, kaedah kualitatif telah digunakan melalui kaedah temu bual separa berstruktur dan analisis dokumen. Kaedah penyelidikan kualitatif membolehkan penerokaan yang mendalam untuk mendapatkan dapatan yang komprehensif bagi mencapai objektif kajian (Creswell, 2013). Seperti yang dinyatakan dalam bahagian sebelum ini, objektif kajian ini adalah untuk mengkaji bentuk bantuan pendidikan yang diberikan oleh zakat kepada anak-anak miskin bandar dan mengenalpasti penambahbaikan bantuan zakat bagi mempertingkatkan ekuiti dalam pendidikan anak-anak miskin bandar di Malaysia. Oleh itu, kajian kualitatif dipercayai sebagai cara

terbaik bagi memperolehi data yang komprehensif dan seterusnya menjawab persoalan kajian yang digariskan.

Populasi dan persampelan

Sampel bagi kajian kualitatif yang bersifat persampelan bertujuan adalah ditentukan oleh pertimbangan terhadap maklumat yang diperolehi (Merriam, 2009). Sekiranya kajian bertujuan mendapatkan informasi yang maksimum, sampel tambahan tidak lagi diperlukan sekiranya data telah mencapai tahap yang tepu. Justeru, kajian ini melibatkan 14 sampel yang bertindak sebagai peserta dan ditemubual berpandukan protokol temubual yang disediakan. Sesi temu bual telah dijalankan dengan dua pegawai di LZS dan dua pegawai MAIWP yang bertanggungjawab bagi sektor pendidikan. Empat pegawai ini adalah antara pegawai tertinggi dalam unit pendidikan dan mampu menerangkan dan menjelaskan pengagihan zakat untuk pendidikan oleh institusi masing-masing. Di samping itu, sesi temu bual itu juga turut dijalankan bersama sepuluh penerima zakat untuk pendidikan yang dikategorikan sebagai anak-anak miskin bandar. Lima daripada mereka adalah anak-anak miskin yang mendiami asrama di bawah pengurusan LZS yang dikenali sebagai Baitul Hasanah manakala lima yang lain adalah anak-anak miskin bandar yang tinggal di asrama Darul Kifayah yang dikendalikan oleh MAIWP. Senarai peserta temubual dinyatakan di dalam Jadual 2 yang berikut:

Jadual 2

Profil peserta temubual

| Peserta | Jantina | Jawatan, Institusi zakat | Umur |
|------------|-----------|--|------|
| Peserta 1 | Perempuan | Pegawai Pendidikan Zakat, LZS | 50 |
| Peserta 2 | Perempuan | Pegawai Penyelidik Zakat, LZS | 48 |
| Peserta 3 | Perempuan | Pegawai Pendidikan Rendah Zakat, MAIWP | 38 |
| Peserta 4 | Perempuan | Pegawai Pendidikan Tinggi Zakat, MAIWP | 42 |
| Peserta 5 | Perempuan | Pelajar 1, MAIWP | 12 |
| Peserta 6 | Lelaki | Pelajar 2, MAIWP | 14 |
| Peserta 7 | Perempuan | Pelajar 3, MAIWP | 16 |
| Peserta 8 | Perempuan | Pelajar 4, MAIWP | 15 |
| Peserta 9 | Lelaki | Pelajar 5, MAIWP | 16 |
| Peserta 10 | Perempuan | Pelajar 1, LZS | 12 |
| Peserta 11 | Lelaki | Pelajar 2, LZS | 17 |
| Peserta 12 | Lelaki | Pelajar 3, LZS | 12 |
| Peserta 13 | Lelaki | Pelajar 4, LZS | 13 |
| Peserta 14 | Perempuan | Pelajar 5, LZS | 17 |

Prosedur kutipan data

Protokol temu bual telah disahkan oleh dua orang pakar dalam bidang berkaitan sebelum sesi temubual dijalankan. Protokol temubual juga telah ditambahbaik bagi memudahkan pemahaman peserta dan meningkatkan kebolehpercayaan temubual yang dijalankan. Lokasi kajian ini telah dijalankan di negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya sebagai lokasi utama bandaraya yang utama di Malaysia. Oleh itu, kajian ini melibatkan institusi pengurusan zakat di Selangor yang dikenali sebagai Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan institusi pengurusan zakat Wilayah Persekutuan yang dikenali sebagai Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).

Selain sesi temubual, kajian ini juga dijalankan melalui analisis dokumen. Analisis dokumen adalah melibatkan buletin bulanan yang diterbitkan oleh kedua-dua institusi pengurusan zakat yang melaporkan aktiviti-aktiviti dan acara yang dianjurkan oleh mereka. Aktiviti-aktiviti tersebut melibatkan pengumpulan dan pengagihan dana zakat kepada kesemua lapan kategori penerima zakat.

Selain itu, analisis juga telah dibuat bagi buku laporan tahunan yang diterbitkan oleh LZS dan MAIWP. Penyelidik telah memilih untuk menganalisis laporan tahunan bagi tahun sebelum berturut-turut iaitu tahun 2013, 2014 dan 2015. Di samping itu, statistik yang berkaitan dengan pengagihan zakat kepada sektor pendidikan juga dianalisis berdasarkan maklumat yang disiarkan dalam laman web LZS dan MAIWP. Kepelbagaian sumber data ini adalah untuk memastikan data yang diambil adalah bersifat menyeluruh sehinggalah ianya bersifat tepu dan tidak mampu ditambah lagi.

Prosedur analisis data

Semasa sesi temubual, data direkodkan oleh perakam MP3 untuk memudahkan proses transkripsi. Kemudian, penyelidik mengambil masa beberapa jam untuk membaca dokumen sokongan dan maklumat yang berkaitan terus dianalisis pada masa yang sama. Transkrip temu bual kemudian dianalisis secara manual untuk mendapatkan jawapan bagi objektif kajian. Ia melibatkan proses pengekodan dan pengenalpastian tema dan kategori tertentu berdasarkan semua transkrip temu bual yang diperolehi melalui sesi temu bual (Burnard, 1991). Tambahan pula, data yang diperolehi daripada hasil analisis dokumen sokongan meningkatkan data yang diperolehi daripada sesi temuduga. Buletin bulanan, laporan tahunan dan statistik terutamanya menyediakan bukti kepada jenis input pendidikan yang disumbangkan oleh dana zakat. Penyelidik memperolehi lebih pemahaman bukan sahaja kepada jenis-jenis sumbangan, tetapi juga jumlah dan program tertentu yang dianjurkan oleh institusi pengurusan zakat bagi meningkatkan ekuiti dalam pendidikan anak-anak Muslim yang miskin di bandar.

DAPATAN KAJIAN

Daripada analisis terhadap data temubual serta dokumen yang berkaitan, terdapat beberapa bentuk bantuan pendidikan yang diberikan zakat kepada anak-anak miskin bandar serta cadangan penambahbaikan yang boleh dilaksanakan bagi mempertingkatkan ekuiti dalam pendidikan anak-anak miskin bandar di Malaysia.

Bentuk bantuan pendidikan yang diberikan kepada anak-anak miskin bandar

Bantuan zakat bagi tujuan pendidikan diberikan kepada anak-anak Muslim yang dikategorikan sebagai miskin bandar samada secara terus atau penempatan penuh di asrama. Dapatan kajian menunjukkan bahawa bantuan wang zakat telah digunakan bagi lima tema utama meliputi pemberian biasiswa/bantuan yuran, penyediaan buku dan alatan pembelajaran, pakaian dan seragam sekolah, kemudahan asrama serta sokongan moral dan motivasi.

i) Biasiswa/ bantuan yuran sekolah

Pada asasnya, wang zakat yang diperuntukkan bagi tujuan pendidikan disalurkan dalam bentuk biasiswa pelajaran atau bantuan kewangan yang digunakan bagi membayar yuran persekolahan. Wang zakat yang diberikan akan diberikan secara tahunan dan anak-anak berpeluang menggunakan wang biasiswa yang diberi bagi tujuan yuran dan apa juga tujuan pembiayaan pendidikan. Ianya bukan sahaja bagi kegunaan pendidikan di sekolah rendah/menengah tetapi juga bagi sekolah agama yang dihadiri oleh pelajar-pelajar asnaf tersebut. Bagi LZS, dermasiswa yang meliputi wang bantuan yuran dan sara diri dikenali sebagai Dermasiswa Pelajar Cemerlang dan Dermasiswa Kecil Pelajar Sekolah Agama Menengah Rendah/sekolah Agama Menengah Tinggi.

ii) Buku dan alatan pembelajaran,

Bantuan wang zakat juga digunakan bagi penyediaan buku dan alatan pembelajaran anak-anak miskin tersebut yang turut dikenali juga sebagai bantuan am persekolahan atau bantuan umum pelajaran. Pemberian ini biasanya diberi pada awal tahun persekolahan dan setiap anak asnaf berhak menerima

bantuan buku-buku bagi tujuan pembelajaran serta kelengkapan alatulis termasuklah beg sekolah. Pemberian kelengkapan pembelajaran ini mampu memberi motivasi dan semangat kepada anak-anak miskin ini untuk memulakan persekolahan dengan baik serta peluang yang adil sama seperti rakan-rakan sekolah mereka yang lain. Ianya dinyatakan oleh peserta DK 2:

Bantuan pendidikan yang kami terima adalah seperti seragam sekolah, satu set setiap seorang, kasut dan alatulis dan mereka juga memberi kami buku tulis dan banyak lagi.. Kalau ada lebih, kami simpan untuk tahun depan.. (DK 2:130-133)

iii) Pakaian dan seragam sekolah

Selain daripada bantuan kelengkapan pembelajaran, anak-anak asnaf ini juga menerima bantuan seragam sekolah yang lengkap bagi sekolah menengah/rendah dan juga sekolah agama. Bantuan ini turut diterima pada awal tahun persekolahan termasuklah kasut sekolah dan tudung bagi pelajar perempuan. Bagi yang menetap di asrama yang disediakan oleh LZS dan MAIWP, mereka juga akan menerima bantuan pakaian tertentu pada waktu perayaan bagi membolehkan anak-anak ini menyambutnya sama seperti anak-anak yang lain. Terdapat juga bantuan kewangan cermin mata bagi anak-anak yang memerlukan. Peserta DK 3 menyatakan sebagaimana berikut:

Maknanya setiap tahun, pada awal sesi persekolahan, mereka akan memberikan uniform sekolah, kasut, pakaian yang lengkap termasuk tanda nama, lencana sekolah, tali leher dan semuanya.. (DK3:56-58)

iv) Kemudahan asrama

Terdapat sebahagian anak-anak miskin yang menerima bantuan zakat ini juga turut ditawarkan penempatan di asrama LZS yang bernama Baitul Hasanah serta asrama MAIWP yang bernama Darul Kifayah. Kemudahan asrama ini terdiri daripada tempat tidur yang lengkap, bantuan makanan serta kemudahan tempat belajar termasuklah perpustakaan. Anak-anak miskin ini diberi peluang bagi menjalani kehidupan yang selesa bagi membolehkan mereka fokus dalam pembelajaran serta memaksimumkan potensi yang ada dalam diri mereka. Ini adalah bagi mengurangkan tanggungan ibu bapa mereka serta mengurangkan risiko keciciran dalam pelajaran disebabkan faktor bekerja sambil bagi menampung diri dan keluarga. Pengangkutan percuma juga disediakan bagi yang tinggal di asrama dan hadiah basikal akan diberi kepada mereka yang tinggal bersama keluarga. Antara yang dinyatakan oleh pegawai ZO1 adalah:

Secara keseluruhannya, kami menyediakan kewangan bagi membuat cermin mata, menyediakan basikal, bantuan penyediaan pengangkutan, dan basikal tu adalah bagi yang tidak menggunakan pengangkutan awam, itu yang kami beri..(ZO1:211-213)

v) Sokongan moral dan motivasi

Selain daripada bantuan biasiswa pelajaran serta pelbagai bentuk bantuan kelengkapan yang diberikan oleh institusi zakat, terdapat juga peruntukan wang zakat yang digunakan bagi tujuan meningkatkan motivasi dan sokongan moral anak-anak asnaf. Terdapat peruntukan wang yang diberi sebagai insentif pelajar cemerlang bagi memberi penghargaan kepada pelajar-pelajar miskin yang telah mencatat kecemerlangan dalam peperiksaan khususnya peperiksaan di peringkat kebangsaan. Selain itu, terdapat juga peruntukan bagi menghadiri tuisyen sebagai bantuan terhadap pelajar yang lemah. Mereka ini akan menghadiri kelas tambahan yang dibiayai sepenuhnya oleh institusi zakat bagi membantu meningkatkan penguasaan mereka terhadap pelajaran. Selain itu, terdapat juga kursus motivasi yang diadakan kepada semua anak-anak asnaf ini bagi memberi sokongan dan perangsang untuk mereka cemerlang di dalam pelajaran. Semua yang disediakan ini bertujuan bagi menyediakan peluang pendidikan yang adil bagi semua anak-anak miskin ini serta memastikan mereka mampu mencapai potensi sebenar dalam diri mereka. Pegawai ZO3 menyatakan:

Sebagai tambahan, kami juga terlibat dalam mengadakan program oleh MAIWP misalnya Anugerah Pelajar Cemerlang, lain-lain majlis, anugerah daripada

menteri, dan macam-macam lagi sehingga kami memang sibuk uruskannya.
(ZO3:298-300)

Penambahbaikan bantuan zakat bagi mempertingkatkan ekuiti dalam pendidikan anak-anak miskin bandar di Malaysia

Seperti yang dinyatakan dalam perbincangan sebelumnya, zakat telah berjaya membantu menyediakan input pendidikan untuk kanak-kanak miskin bandar bagi mendapatkan pendidikan yang sempurna, yang seterusnya membantu menghasilkan pendidikan yang diharapkan. Keadaan ini sebenarnya turut membantu meningkatkan kualiti pendidikan dan membantu kerajaan untuk merealisasikan matlamat dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa penambahbaikan yang dicadangkan dalam kajian ini bagi meningkatkan keberkesanan pengagihan zakat kepada anak-anak miskin bandar. Berdasarkan analisis, penambahbaikan yang disyorkan adalah seperti berikut:

i) Kemudahan teknologi maklumat

Evolusi pendidikan di abad ke-21 memerlukan pelajar yang celik teknologi bagi menghadapi pelbagai kemajuan dalam bidang pendidikan. Oleh itu, adalah dicadangkan bahawa institusi pengurusan zakat seperti LZS dan MAIWP yang membiayai kanak-kanak miskin bandar ini untuk turut melabur dalam peralatan teknologi seperti komputer peribadi, komputer riba atau *tablet* dan pelbagai perisian pendidikan bagi manfaat pembelajaran pelajar. Adalah dicadangkan bagi institusi pengurusan zakat untuk memperuntukkan dan mengatur sebahagian amaun tertentu daripada dana zakat untuk penyediaan peralatan teknologi terutamanya bagi pelajar di peringkat menengah persekolahan. Mereka juga boleh mempertimbangkan untuk menyediakan kemudahan teknologi maklumat (IT) di asrama sebagai tambahan peralatan sokongan pembelajaran yang digunakan oleh pelajar.

ii) Kursus teknikal atau keusahawanan

Di samping usaha semasa untuk menyediakan kursus-kursus motivasi dan tuisyen atau kelas tambahan untuk pelajar, LZS dan MAIWP juga boleh mempertimbangkan untuk menyediakan kursus-kursus teknikal atau asas keusahawanan. Usaha ini adalah penting terutamanya bagi pelajar-pelajar di sekolah menengah atas atau mereka yang bakal menamatkan pengajian menengah di tingkatan 5. Ianya dijangka memberi manfaat kepada pelajar yang menunjukkan minat dalam pelbagai mata pelajaran teknikal dan merancang untuk meneruskan kerjaya masa depan mereka dalam pekerjaan yang berkaitan. Dengan usaha ini, institusi pengurusan zakat ternyata menyokong inisiatif kerajaan untuk mewujudkan lebih ramai tenaga kerja teknikal di negara ini. Ia juga membantu dalam menghasilkan masyarakat yang lebih berdikari serta boleh menyumbang kepada penjana pendapatan negara. Ini disokong oleh peserta BH3:

Saya cadangkan kursus yang menambahkan pengetahuan hmm ... misalnya kelas-kelas kemahiran, sebagai tambahan kepada kelas tuisyen yang saya ada.
(BH3:323-324)

iii) Sokongan pemakanan dan pendidikan kesihatan

Satu lagi cadangan penting dalam pengagihan dana zakat untuk kanak-kanak miskin bandar adalah peruntukan bagi sokongan pemakanan yang sihat seperti suplemen asas, ubat-ubatan dan makanan kesihatan. Ini penting kerana kanak-kanak ini pada dasarnya datang dari keluarga miskin yang tidak mampu untuk melengkapkan anak-anak mereka dengan makanan yang sihat dan ubat-ubatan asas. LZS dan MAIWP boleh mendapatkan nasihat daripada pihak berkuasa yang berautoriti dalam sokongan kesihatan pemakanan bagi membantu menghindarkan risiko penyakit bagi anak-anak ini. Mereka juga boleh bekerjasama dengan badan bukan kerajaan (NGO) lain untuk turut sama bekerjasama dalam menyediakan bantuan atau mengadakan program pendidikan kesihatan yang berkaitan.

PERBINCANGAN

Secara umumnya, dana zakat yang diagihkan kepada anak-anak miskin bandar di Malaysia telah memberi kesan positif kepada kehidupan mereka khususnya dalam meningkatkan peluang pendidikan. Usaha ini juga sekaligus membantu kerajaan dalam meningkatkan dasar ekuiti dalam pendidikan terutamanya bagi kanak-kanak miskin yang beragama Islam. Daripada dapatan kajian, institusi zakat di bandar seperti LZS dan MAIWP telah berjaya meningkatkan keperluan pendidikan anak-anak miskin bandar meliputi pemberian zakat kepada lima kategori utama input iaitu biasiswa/bantuan yuran, penyediaan buku dan alatan pembelajaran, pakaian dan seragam sekolah, kemudahan asrama serta sokongan moral dan motivasi. Bentuk pemberian ini adalah selaras dengan cadangan UNICEF (2011) serta Scheerens (2004) yang menekankan penyediaan terhadap kelengkapan buku, kurikulum, pembelajaran yang berkualiti, kemudahan sekolah yang mencukupi serta beberapa sumber lain bagi menjalani pembelajaran. Turut penting adalah penyediaan proses pembelajaran yang baik melalui kewujudan persekitaran dan konteks pembelajaran yang menyokong suasana yang positif. Dapatan kajian juga turut menyokong aspirasi yang diketengahkan oleh OECD (2008) terhadap penyediaan kemudahan input pendidikan yang mencukupi kearah peningkatan literasi dalam pendidikan kepada anak-anak miskin yang memerlukan.

Dapatan juga mengemukakan cadangan terhadap institusi zakat bagi menambahbaik pengagihan kepada tiga bentuk bantuan iaitu bantuan kemudahan teknologi maklumat, kursus teknikal atau keusahawanan serta sokongan bantuan pemakanan dan pendidikan kesihatan. Secara jelasnya bantuan kemudahan teknologi maklumat amat penting dalam melengkapkan pengetahuan dan kemahiran pelajar dengan ilmu terkini dalam mendepani abad ke-21. Cadangan ini adalah selaras dengan matlamat yang digariskan di bawah Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010 yang merancang bagi mengurangkan jurang digital di kalangan pelajar (KPM, 2006). Gorski (2005) juga telah menekankan keperluan untuk menghapuskan jurang digital disebabkan oleh perbezaan dalam kaum, jantina, status sosio-ekonomi dan lain-lain faktor demografi.

Cadangan seterusnya adalah pembiayaan zakat terhadap kursus teknikal atau keusahawanan yang akan memberi nilai tambah kepada pengetahuan sedia ada para pelajar. Walaupun kursus seumpama ini telah dijalankan kepada para belia lepasan sekolah, ianya dicadangkan turut diberikan kepada anak-anak asnaf yang berada di sekolah menengah. Ini membolehkan mereka yang cenderung kepada kemahiran teknikal untuk mengasah bakat seawal yang mungkin dan membina perancangan awal sejurus selepas tamat persekolahan menengah. Turut dicadangkan adalah peruntukan bagi pemakanan tambahan serta pendedahan terhadap pendidikan kesihatan kepada anak-anak asnaf. Seperti yang dicadangkan oleh U.S. Department of Education (2013), pelajar dalam komuniti miskin ini perlu dilengkapi dengan penjagaan kesihatan dan pendidikan kesihatan bagi meningkatkan kesediaan dan motivasi mereka untuk pendidikan yang lebih baik.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, zakat telah memainkan peranan yang penting dalam membantu meningkatkan ekuiti dalam pendidikan anak-anak miskin bandar di Malaysia melalui kepelbagaian input pembelajaran. Daripada kajian, zakat yang diterima oleh institusi zakat telah digunakan bagi tujuan pemberian biasiswa/bantuan yuran, penyediaan buku dan alatan pembelajaran, pemberian pakaian dan seragam sekolah, penyediaan kemudahan asrama serta pelbagai inisiatif bagi memberi sokongan moral dan motivasi kepada anak-anak ini. Segala input yang disediakan bertujuan memberikan peluang yang saksama bagi anak-anak miskin bandar ini untuk mendapat peluang pendidikan dan seterusnya memberi keupayaan kepada mereka mencapai potensi terbaik dalam diri. Selain itu, kajian ini juga

mencadangkan penambahbaikan dalam pengagihan zakat pendidikan sedia ada oleh institusi zakat. Cadangan yang dikemukakan berupa penambahbaikan dalam penyediaan kemudahan teknologi maklumat, mewujudkan kursus teknikal atau keusahawanan bagi pelajar sekolah menengah serta sokongan pemakanan dalam bentuk makanan tambahan kesihatan dan ubat-ubatan disamping pendidikan kesihatan yang berkaitan.

Sebagai implikasi, kajian ini telah mengemukakan usaha institusi zakat dalam meningkatkan ekuiti dalam pendidikan bagi anak-anak miskin bandar yang beragama Islam di Malaysia melalui penyaluran wang zakat. Ianya turut menjelaskan peranan yang dimainkan oleh institusi agama dalam membantu kerajaan merealisasikan dasar-dasar dalam pendidikan khususnya berhubung penyediaan akses pendidikan yang berkualiti terhadap anak-anak. Bantuan pendidikan yang diberikan daripada wang zakat telah memberi peluang kepada anak-anak miskin bandar bagi mendapat peluang pendidikan yang sempurna tanpa mengambil kira perbezaan sosio-ekonomi dan latar belakang keluarga. Usaha peningkatan ekuiti dalam pendidikan ini juga adalah sejajar dengan hasrat komuniti antarabangsa dalam memberi peluang pendidikan yang adil kepada semua kanak-kanak melalui slogan 'Education for All'. Dengan usaha dari institusi zakat ini, anak-anak miskin khususnya yang beragama Islam mampu mencapai pendidikan yang diharapkan dan seterusnya menjadi sumber manusia yang berguna kepada negara dan masyarakat kelak.

RUJUKAN

- Azman Ab Rahman & Siti Martiah Anwar (2014). *Zakat pendidikan kepada golongan asnaf di Malaysia: Peranan dan cabaran pada masa kini*. Proceeding of the International Conference on Masjid, Zakat and Waqf (IMAF 2014).
- Berne, R. & Stiefel, L. (1999). Concepts of equity: 1970 to Present. In Ladd, H. F., Chalk, R. & Hansen, J. S. (Eds.), *Equity and adequacy in school finance*. Washington, D.C : National Academy of Science Press.
- Blanchard, C. M. (2007). *Islamic religious schools, Madrasas: Background*. CRS Report for Congress, Washington, DC: Congressional Research Service, The Library of Congress.
- Burnard, P. (1991). A method of analysing interview transcripts in qualitative research. *Nurse Education Today*, 11 (6), 461-466.
- Creswell, J.W. (2013). *Qualitative inquiry & research design: Choosing among five approaches (3rd ed.)*. California: Sage Publications
- Dean, H. & Khan, Z. (1997). Muslim perspective on welfare. *Journal of Social Policy*, 26 (2).
- Gorski, P. (2005). Education equity and the digital divide. *Association for the Advancement of Computing in Education Journal*, 13(1), 3-45.
- Iqbal M. Khan (2014). Vocational Education and Zakat: The Case Study of Punjab Vocational Training Council. *Journal of Higher Education and Science*, 4(2).
- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) (2006), *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lembaga Zakat Selangor (LZS) (2011). Peduli kemiskinan bandar. *Asnaf*.
- Lembaga Zakat Selangor (LZS) (2013). Melestari pendidikan ummah. *Asnaf*.
- Lembaga Zakat Selangor (LZS) (2015). Bersama Kami Membantu Asnaf. *Asnaf*.
- Merriam, S.B. (2009). *Qualitative research: A guide to design and implementation*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Mohammed Yusoff (2011). Zakat Expenditure, School Enrollment, and Economic Growth In Malaysia. *International Journal of Business and Social Sciences*, 2(6).
- Mohammed Yusoff (2014). Zakat Distribution, Education, And Real Income Per Capita In Malaysia. *Journal Of Strategic and International Studies*, VI(3).

- Mohd, A. C. (2010). *Agihan zakat: Isu, impak dan pengharapan*. Kertas Kerja Wacana Intelektual, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR).
- Norazlina Abd. Wahab & Abdul Rahim Abdul Rahman (2011). A framework To analyze the efficiency and governance of Zakat institutions. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, 2 (1).
- Nor Idayu Mahat & Ari Warokka (2013). Investigation on zakat as an indicator for Moslem countries' economic growth. *Journal of Global Business Advancement*, 6 (1).
- Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD) (2008). Ten steps to equity in education, *Policy Brief*. Dimuat turun daripada [www.oecd.org/publications/ Policybriefs](http://www.oecd.org/publications/Policybriefs).
- Pusat Pungutan Zakat (PPZ) (2015). Pentadbiran & Statistik Zakat Di Malaysia. *Laporan Zakat 2015*. Kuala Lumpur: Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.
- Rahimi Md Saad et. al, (2008). *Education for poverty eradication: Malaysian Government and Non-Governmental organizations initiatives*. International Conference on Education Innovation, Kuala Lumpur.
- Rashidah Abdul Rahman & Normah Omar (2012). Zakat and poverty alleviation: Roles of zakat institutions in Malaysia. *International Journal of Arts and Commerce*, 1(7).
- Rawls, J. (1999). *Theory of Justice, Revised Edition*. Oxford: Belknap Press.
- Scheerens, J. (2004). *The conceptual framework for measuring quality*. Paper 1 for the EFA Global Monitoring Report, 2004.
- United Nations Children's Fund (UNICEF) (2011). *Statement to the global management team*. New York: UNICEF
- U.S. Department of Education (2013). *For Each and Every Child – A Strategy for Education Equity and Excellence*. Washington, D.C.: US Department of Education.
- Valeria Sanggiomo (2011). From charity to governance: Islamic NGOs and education in Somalia. *The Open Area Studies Journal*, 4, 53-61.